



**SISTEM ePEROLEHAN  
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA**

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**KENYATAAN TAWARAN**

**TARIKH IKLAN : 18 April 2022 (Isnin)**

Tender adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang **210102, 210103, 210104, 210105, 210107 dan 210109** serta pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa untuk mengambil bahagian di dalam tender berikut :-

<b>BUTIR-BUTIR TAWARAN</b>	<b>JADUAL T/P&amp;P</b>	<b>KAEDAH PEROLEHAN</b>
Tawaran Tender Perkhidmatan Membekal, Menghantar, Memasang, Mengkonfigurasi, Menguji Dan Mentauliah Guna Perkakasan Dan Perisian Sistem Backup ( <i>Backup Systems</i> ) Secara Sewa Milik Di Pusat Data Kementerian Kesihatan Malaysia  <b>No. Tender : QT22000000010043</b>	47/2022	Secara ePerolehan

**Telecenter:**

**Bahagian Perolehan dan Penswastan,  
Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 PUTRAJAYA  
No. Telefon : 03-8883 3022**

Dokumen Tender boleh disemak mulai **18 April 2022 (Isnin)** dengan melayari **[www.eperolehan.com.my](http://www.eperolehan.com.my)**.

Pembekal yang ingin menyertai tender ini mestilah ePerolehan *enabled*. Sistem ePerolehan mempelawa pembekal secara **Auto Invite** dan hanya pembekal yang mempunyai kod bidang berkenaan sahaja layak menyertai tender tersebut.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan pada atau sebelum **9 Mei 2022 (Isnin), jam 12.00 tengah hari**. Semua dokumen pelawaan, dokumen tawaran dan dokumen sokongan hendaklah dikemukakan secara elektronik dan penyerahan **dokumen secara manual adalah tidak dibenarkan**. Penyerahan secara manual hanya dibenarkan bagi sampel sahaja (jika berkenaan). Pihak tuan, adalah dimohon untuk mematuhi Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) perenggan 8(x)(b)(5) dibaca bersama PP/PK2.1 Garis Panduan Penilaian Tender – Perenggan 16(b)(vii) dan PP/PK5.1 perenggan 5.1.3(x)(3) dibaca bersama PP/PK5.1 Lampiran 4 perenggan 9 yang memberi maksud untuk **TIDAK memaparkan nama syarikat pada dokumen teknikal**.

### **Tawaran yang lewat tidak akan diterima.**

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran.

Syarikat/Firma/Koperasi/Pemilikan Tunggal\* hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.8% dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih;

Atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak 0.4% dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.

\*Yang mana berkenaan

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kesihatan Malaysia.